

Pengimejan & Diagnostik

Perkhidmatan

Posted by: Anonymous

Posted on : 2013/4/29 2:50:00

[Home](#) / [Perkhidmatan](#) / [Klinikal](#) / Pengimejan & Diagnostik

PENDAHULUAN

Dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan X-Ray atau Perkhidmatan Radiologi, tetapi oleh kerana kemajuan yang pesat di dalam bidang ini, sekarang ianya dikenali dengan Perkhidmatan Pengimejan Diagnostik.

Perubahan ini adalah selaras dengan penggunaan modaliti (peralatan) lain selain X-Ray seperti bunyi (digunakan dalam Ultrasound) dan magnet digunakan dalam MRI (Magnetic Resonance Imaging) di dalam bidang perkhidmatannya.

Perkhidmatan Pengimejan Diagnostik Hospital Baling menawarkan beberapa perkhidmatan kepada para pelanggannya sejajar dengan saiz dan kapasiti Hospital Baling sebagai pembekal perkhidmatan perubatan utama di daerah Baling dan kawasan sekitarnya.

PERKHIDMATAN TERAS (CORE BUSINESS)

Memberi perkhidmatan radiografi / radiologi am dan khas
Mendapatkan Laporan Pakar Radiologi
Mengatur tarikh temujanji kes-kes khas dan memberi kaunseling temujanji
Penyimpanan dan pengeluaran radiograf

OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang terbaik kepada pelanggan luaran dan pelanggan dalaman di Hospital Baling.

MISI

Menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang efektif, cepat, betul, selamat, mesra dan bermutu tinggi.

VISI

Berusaha menjadi pemberi khidmat pengimejan diagnostik yang terbaik sesuai dengan kehendak pelanggan, keupayaan dan teknologi semasa.

WAKTU DAN SKOP PERKHIDMATAN (BUSINESS HOUR & SCOPE)

Unit ini memberikan perkhidmatan setiap hari pada waktu bekerja dan mengikut keperluan di luar waktu bekerja secara tugas atas panggilan. Pelanggan-pelanggan unit ini adalah pengamal-pengamal perubatan dan pesakit mereka dari Unit Kecemasan, Unit Pesakit Dalam, Klinik-klinik Lawatan Pakar, Unit Pesakit Luar Hospital Baling, Klinik Pergigian Baling, Klinik-klinik Kesihatan sekitar daerah Baling, Klinik Kesihatan Pengkalan Hulu Perak, Pusat Perubatan Angkatan Tentera Pengkalan Hulu, Klinik Lawatan Susulan Pakar Hospital-hospital berhampiran.

PERJAWATAN

Pengisian jawatan untuk unit ini bagi tahun 2013 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah :-

Kedudukan Perjawatan	Bilangan Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Juru Xray U32	2	2	0
Juru Xray U29	4	4	0
PPK U3	2	2	0

KHIDMAT LAWATAN PAKAR RADIOLOGI

Pada tahun 2005 khidmat lawatan Pakar Radiologi dari Hospital Sungai Petani tidak dapat dijalankan. Semua urusan yang memerlukan khidmat Pakar Radiologi akan dirujuk ke Hospital Sungai Petani.

Pegawai Bertanggungjawab:

En. Rosli bin Yusof (Juru X-Ray U32)

Contact No:04-470 1333 ext 1120

Email : rosliyusof@moh.gov.my